

11/08/1998

Kemelut badminton wajar diatasi

PERTIKAIAN antara Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Nusa Mahsuri sudah terlalu panjang, sedangkan tarikh kejohanan Kuala Lumpur 98 - Sukan Komanwel XVI semakin singkat. Malaysia meletakkan harapan begitu tinggi untuk meraih pingat bagi acara badminton. Dengan itu, sebarang kekecohan dan salah faham yang boleh menjejaskan prestasi Malaysia dalam acara itu, perlu diselesaikan segera. Sia-sia Malaysia membuktikan kemampuannya untuk menganjurkan acara sukan peringkat antarabangsa, sedangkan pengurusan dalam sukan badminton negara, masih lintang-pukang.

Pokoknya, kepentingan negara mesti mengatasi segala-galanya. Tidak ada tempat bagi menjaga ego pemain atau pegawai. Apa perlunya terlalu banyak percaturan politik dalam sukan? Ia tidak mendatangkan sebarang faedah.

Jika pegawai terlalu bermain politik, badan yang menguruskannya tidak akan dihormati kerana dianggap lebih menjaga kepentingan sendiri. Sukan bukanlah gelanggang politik. Perjuangan ahli sukan ialah di dalam gelanggang. Perjuangan di luar gelanggang, bukanlah aksi ahli sukan.

Pasukan badminton negara sebenarnya boleh menjangkau kemenangan yang lebih besar dalam pertandingan peringkat antarabangsa, tetapi disebabkan pemain diheret dalam kancah pergeseran antara persatuan, mereka menjadi tidak bermaya. Sepatutnya, mereka masuk ke gelanggang dengan matlamat untuk menang dan mengharumkan nama negara, bukan memikirkan hiruk-pikuk yang tercetus dalam persatuan.

Persatuan sepatutnya memikirkan kebajikan pemain. Tetapi, disebabkan asyik menuding jari antara satu dengan lain dan menghabiskan masa bercakaran, tidak ada apa pun yang boleh mereka lakukan untuk kepentingan pemain.

Sebagai tuan rumah kepada Sukan Komanwel, pasukan badminton Malaysia sepatutnya mempunyai kelebihan untuk menang. Tetapi, kalau masalah ini tidak dapat diselesaikan, ia hanya akan membantutkan segala peluang.

Sama ada BAM atau Nusa Mahsuri, kedua-dua badan ini tidak seharusnya dijadikan platform untuk mencari pengaruh. Setiap pegawai seharusnya ikhlas menjalankan tugas dengan matlamat untuk meningkatkan mutu badminton negara. Apakah isu itu hanya dapat diselesaikan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyatakan kekecewaannya terhadap gelagat pegawai dan pemain. Sindiran Dr Mahathir begitu tepat sekali.

Baginya, pemain dan pegawai tidak mengambil berat soal kepentingan negara, sebaliknya lebih mementingkan pendirian masing-masing. Dalam tempoh beberapa tahun lalu terutamanya sejak BAM dan Nusa Mahsuri berlainan haluan, Malaysia belum pun meraih sebarang kejayaan yang memberangsangkan.

Oleh itu, tidak ada justifikasi isu ini tidak boleh ditamatkan segera. Adalah lebih baik kita tidak mendapat sebarang pingat dalam kejohanan badminton di Sukan Komanwel nanti daripada kita menanggung aib akibat gagal mengurus sebuah pasukan yang rendah dari segi moralnya.

Sebagaimana acara sukan yang lain, setiap pemain atau atlit perlulah mematuhi arahan. Persatuan yang menguruskan acara sukan itu pula perlulah berusaha meningkatkan mutu sukan berkenaan. Seandainya badan sukan bercelaru seperti yang berlaku dalam sukan badminton, lebih baik menumpukan perkara lain yang lebih berfaedah.

Janganlah disebabkan badminton yang dianggap sebagai sukan elit di negara ini, semua pihak boleh berbuat apa saja hingga membelakangkan kepentingan negara. Pemain yang enggan mematuhi arahan bermakna ingkar

kepada peraturan.

Walaupun kepada mereka diletakkan harapan yang menggunung, tidak bermakna segala permintaannya perlu dipatuhi. Peraturan biasanya dirumus untuk mendisiplinkan pemain. Jika apa yang 'diboleh dan dilarang' tidak dianggap penting, maka ia tidak boleh lagi dianggap sebagai peraturan.

Setiap jenis sukan ada peraturan dan undang-undangnya. Tidak ada pemain yang boleh melakukan apa saja di tengah gelanggang, mengingkari keputusan pengadil. Sehandal mana sekali pun, jika melanggar peraturan, boleh dibuang daripada gelanggang. Di dalam gelanggang ada peraturannya, dalam bersatuan pun, ada peraturannya.

Kekecohan dalam arena badminton ini juga boleh dijuruskan kepada masalah kekurangan pemain yang mampu memberi saingan atau mampu memungut pingat. Jika ramai pemain berkaliber, rasanya tidak timbul perpecahan dalam sukan badminton ini. Adalah tugas persatuan untuk memecah kebuntuan ini dan ini adalah lebih baik daripada menunjukkan ego masing-masing.

(END)